

27 AUG 2003

Mahathir-Kereta

DR MAHATHIR MAHU PENGELUAR KERETA TEMPATAN TINGKAT KUALITI

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan pengeluar kereta tempatan agar sentiasa berusaha meningkatkan kualiti produk melalui Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) untuk memastikan kereta nasional setanding keluaran kereta negara luar.

Beliau berkata pengeluar tidak seharusnya cepat berpuas hati dengan kualiti produk kerana R&D merupakan satu faktor yang penting dan harus dilakukan secara berterusan.

"Sekarang kereta kita mungkin perlukan standard lebih baik tetapi di masa depan sekiranya kita tidak beringat, tidak mengikut trend dan tidak menjalankan penyelidikan kita, terdapat kemungkinan kualiti kereta kita akan menjadi substandard.

"Ketika itu, mungkin sukar untuk memasarkan kereta kita ke luar negara atau malahan dalam negara," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran kenderaan MPV nasional di bawah jenama Naza dan merasmikan bangunan Menara Naza di Seri Kembangan dekat sini malam ini.

Dr Mahathir berkata industri pembuatan kereta negara harus mengambil iktibar daripada apa yang berlaku di Britain yang terpaksa menjual semua industri pembuatan kereta mereka kepada negara lain.

Katanya Britain yang satu ketika dahulu merupakan antara pengeluar automotif terbesar dunia, kini hanya mampu menjadi pengkritik kereta keluaran negara lain.

"Sekarang majalah automotif negara itu hanya cekap buat penilaian ke atas keluaran negara lain. Mereka anggap kereta Malaysia tidak berkualiti tetapi sunguhpun begitu kita dapat keluarkan kereta sendiri. Britain tidak mampu, cuma mampu menjadi pengkritik sahaja", katanya.

Sehubungan itu pihak industri automotif tempatan tidak seharusnya bersenang hati dengan kejayaan yang dicapai sebaliknya harus memastikan peningkatan kualiti produk dilakukan setiap tahun, katanya.

Tambahan, katanya peningkatan kualiti produk menjadi bertambah penting dengan pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) tidak lama lagi.

"Tidak lama lagi, tidak akan ada sekatan terhadap semua kereta yang diimport dari negara-negara lain. Dengan itu tidak akan ada sebarang perbezaan tarif untuk memberikan kelebihan kepada kereta nasional kita sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata oleh itu pihak industri automotif harus sentiasa memastikan kualiti kenderaan nasional sentiasa ditingkatkan sebagaimana yang dilakukan ke atas produk-produk lain yang dihasilkan dalam negara.

"Saya yakin kita boleh. Saya sudah lihat bagaimana cepatnya rakyat Malaysia belajar membuat sesuatu dalam semua bidang.

"Kalau kita membuat sesuatu itu berkali-kali tidak dapat tidak, kita akan menjadi cekap. Kali pertama mungkin hasilnya tidak baik, tetapi bagi kali kedua mungkin lebih baik dan apabila kita buat berkali-kali apa juga kerja kita akan dapat tingkatkan kecekapan dan kualiti produk kita," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali masing-masing turut dihadihkan sebuah MPV Naza Ria.

Yang turut hadir ialah Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat-syarikat Naza, Tan Sri SM Nasimuddin SM Amin, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kia Motor Corporation Noi Myung Kim dan Presiden Kia Motor Corporation Asia-Pacific Young-Suk Koh.

-- BERNAMA
SNS HM RHM